

PENGURUSAN HARTA ORANG ISLAM MELALUI KONSEP HIBAH: SUATU SOROTAN

¹Rosmiza bt Ismail, ² Salmy Edawati binti Yaakob & ³ Mohd Zamro bin Muda
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah

Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Email: rosmiza.ipba@gmail.com, salmy1001@ukm.edu.my, zamro@ukm.edu.my.

Abstrak: *Keperluan masyarakat untuk memahami konsep hibah amat penting dalam pengurusan harta orang Islam. Penggunaan konsep hibah adalah salah cara untuk menguruskan harta semasa hidup. Kefahaman masyarakat Islam tentang penggunaan dan keperluan konsep hibah dalam perancangan pengurusan harta ketika masih hidup masih rendah. Laporan statistik tentang masyarakat Islam yang membuat perancangan samada melalui wasiat atau hibah hanya 5% sahaja. Artikel ini bertujuan untuk meneliti penggunaan konsep hibah dalam Islam sebagai salah satu kaedah pengurusan harta. Metode kajian berbentuk kualitatif menggunakan reka bentuk analisis dokumen dengan merujuk dokumen berkaitan subjek perbincangan seperti tesis, prosiding, jurnal buku-buku dan kertas kerja. Hasil kajian mendapati bahawa pengurusan harta Islam semasa hidup perlu dilaksanakan bagi memastikan pengurusan harta dilakukan dengan sebaik-baiknya.*

Kata Kunci: Hibah, & Pengurusan Harta Orang Islam

I. Pendahuluan

Islam menganggap harta sebagai anugerah dari Allah s.w.t. Harta ialah apa sahaja yang boleh dimiliki dan boleh dimanfaatkan dalam keadaan biasa (al-Khafif (t.t)). Harta perlu dirancang dan diurus dengan baik demi kemakmuran keluarga dan masyarakat Islam. Perancangan pengurusan harta dalam Islam terbahagi kepada dua bahagian iaitu perancangan harta semasa hidup dan pembahagian harta selepas kematian berlaku. Antara bentuk perancangan harta semasa hidup adalah seperti hibah, wasiat, wakaf sedekah dan nazar. Manakala pengurusan pembahagian harta selepas kematian adalah menggunakan kaedah hukum faraid sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syarak.

Konsep pengurusan harta secara Islam meliputi lima elemen utama; pertama adalah penghasilan harta dengan usaha dan tenaga (Al-Jumu'ah: 10, al-Qasas: 77) kedua, pengumpulan harta melalui cara penyimpanan dan pelaburan (Yusuf: 47- 48) ketiga pula perlindungan harta demi keselesaan masa depan (al-Hasyr: 18) keempat adalah pengagihan harta melalui instrumen wasiat (Al-Baqarah: 180), Hibah (Al-Baqarah: 177), wakaf (Ali Imran: 920) dan lain-lain dan kelima pula ialah penyucian harta melalui zakat dan amal jariah (Al-Baqarah: 195). Pengagihan harta melalui pelbagai instrumen yang boleh digunakan dalam sistem Islam. Di antaranya adalah melalui konsep hibah. Konsep hibah dalam perancangan pengurusan harta Islam tidak bermaksud untuk melanggar atau meninggalkan hukum syariaat tetapi ia merupakan mekanisme untuk memudahkan umat Islam mengurus harta mereka ketika masih hidup kerana hukum faraid adalah hukum yang berjalan selepas berlaku suatu kematian.

II. Pernyataan Masalah

Laporan akhbar hari ini banyak membincangkan tentang pembekuan harta di Malaysia yang hampir mencecah nilai 70 juta. Semua rekod berkenaan harta beku disimpan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) melalui Bahagian Pembahagian Pusaka (BPP) di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Keadaan ini amat membimbangkan kerana ia melibatkan sebahagian besar harta orang Islam. Kefahaman masyarakat khususnya orang Islam dalam membuat perancangan harta amat rendah. Ini dapat dibuktikan dengan laporan statistik bahawa 5% sahaja dalam kalangan orang Islam yang membuat perancangan harta melalui wasiat atau hibah. Kajian ini bertujuan untuk meneliti penggunaan konsep hibah dalam Islam sebagai salah satu kaedah pengurusan harta yang dilaksanakan dalam institusi perancangan harta orang Islam.

III. Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah rekabentuk kajian kualitatif dengan memfokuskan kajian mengenai pengurusan harta orang Islam melalui konsep hibah. kaedah pengumpulan data dan analisis dokumen digunakan untuk kajian ini termasuk data primer dan sekunder seperti kitab-kitab, artikel-artikel kajian lepas berkaitan subjek perbincangan seperti tesis, prosiding, jurnal, buku-buku berkaitan hibah dan kertas kerja.

IV. Hasil Kajian

I. Definisi Hibah

Hibah merupakan perkataan yang berasal daripada kata kerja “*wahaba*” yang bermaksud *tabarru'* (al-Jurjani,1421H) atau pemberian tanpa balasan (al-Fayumi, t.t.). Ibn Manzur (2003) dan al-Sheikh Ahmad Rida (1960) mentakrifkan hibah sebagai suatu pemberian yang bukan untuk mendapatkan sebarang balasan dan tidak *mempunyai* sebarang tujuan. Terdapat beberapa istilah yang mempunyai pengertian yang hampir sama dengan hibah iaitu hadiah dan sedekah tetapi berbeza pada aspek tujuan pemberian sahaja. Adapun sedekah adalah pemberian yang bertujuan untuk mendapat pahala di akhirat dan biasanya berlaku di antara orang kaya kepada orang miskin. Manakala hadiah pula adalah pemberian untuk memuliakan seseorang dan kebiasaannya berhubungkait dengan sesuatu perkara (Mustafa al-Khin et.al.2003) Hibah pada istilah syara' ialah suatu akad yang mengandungi pemberian milik oleh seseorang terhadap hartanya kepada seorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan (Shams al-Din Ahmad, 2003). Pemilikan dalam hibah adalah berlaku pindah milik pada masa hidup pemberi hibah tanpa perlu menunggu kematian atau ketiadaan si pemberi. Berbeza dengan pemilikan melalui wasiat yang berlaku pindah milik setelah berlakunya kematian orang yang melakukan wasiat. Firman Allah s.w.t dalam surah al-Baqarah ayat 177 yang bermaksud: *Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebajikan, akan tetapi Sesungguhnya kebajikan itu ialah beriman kepada Allah, hari Kemudian, malaikat-malaikat, kitab-kitab, nabi-nabi dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta; dan (memerdekakan) hamba sahaya, mendirikan shalat, dan menunaikan zakat; dan orang-orang yang menepati janjinya apabila ia berjanji, dan orang-orang yang sabar dalam kesempitan, penderitaan dan dalam peperangan. mereka Itulah orang-orang yang benar (imannya); dan mereka Itulah orang-orang yang bertakwa". (QS. Al-Baqarah : 177)*

Ayat di atas merupakan dalil pensyariatian hibah. Hukum melaksanakan hibah adalah sunat dan digalakkan dalam Islam. Di samping ayat quran terdapat juga dalil-dalil hadis yang berkaitan menggalakkan hibah. Di antaranya maksud hadis :Dari Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: *Saling memberi hadiahlah kamu sekalian, agar kalian saling mencintai" (Hadis riwayat al-Bukhari).* dan lagi maksud hadis: Dari Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: *Sekiranya aku dijemput untuk dijamu dengan peha atau betis, (Tulang kering), kambing nescaya aku akan memenuhi jemputan tersebut, dan sekiranya diberikan hadiah kepada ku peha atau betis (tulang kering) kambing nescaya aku menrimanya" (Hadis riwayat al-Bukhari).*

II. Pembentukan Hibah

Hibah terbentuk di atas beberapa perkara seperti **rukun dan syarat** hibah. Di antara rukun hibah adalah pemberi hibah (*wahib*), penerima hibah (*mawhub lahu*), harta (*mawhub*) dan akad melalui *sighah ijab* dan qabul. Adapun pada setiap rukun hibah mempunyai syarat-syarat tertentu.

a. Syarat bagi Pemberi hibah (*al-Wahib*)

Pemberi hibah adalah seorang pemilik mutlak terhadap harta yang hendak dihibahkan. Pemberi hibah mestilah seorang yang berfikiran waras dan rasional, cukup umur (*baligh*), boleh menguruskan hartanya tanpa dihalang atau ditegah, seorang ahli *tabarru'* iaitu kemampuan untuk melakukan segala urusan pentadbiran harta, dan dilakukan secara sukarela tanpa sebarang paksaan. Fuqaha telah mensyaratkan setiap pemberi hibah mestilah mempunyai keahlian atau berkelayakkan dari segi syarak untuk bertabarru' atau memberi hartanya secara sukarela kepada orang lain. Bagi golongan *mahjur 'alayh* (yang ditahan berbelanja) seperti anak kecil, orang tidak siaman dan safih (orang yang tidak pandai mengurus hartanya) adalah tidak sah hibahnya. Alasannya ialah kerana mereka tidak memiliki kelayakan untuk bertabarru', di samping sifat hibah yang merupakan kemudharatan semata-mata ke atas pemberi kerana ia merupakan suatu bentuk pemindahan hak milik kepada orang lain tanpa diiringi oleh manfaat duniawi sebagai gantian (Al-Kasani,2003)

b. Syarat bagi Penerima Hibah (*al-Mawhub Lah*)

Penerima hibah menurut fuqaha adalah seorang yang mempunyai kelayakan atau keahlian dari sudut syarak dalam menguruskan pentadbiran harta yang diberikan kepadanya sebagai hak miliknya. Tiada syarat khusus yang ditetapkan kepada penerima hibah. Penerima hibah tidak disyaratkan seorang yang baligh, waras atau sempurna akal (*rashid*) kerana hibah yang diberikan kepada golongan ini adalah sah, dan di sini perlunya perlantikan pemegang amanah atau wali harta untuk menguruskan pentadbiran harta tersebut. Penerima yang gila, cacat akal, kanak-kanak, berbeza agama dan juga janin dalam kandungan tidak akan mencatatkan akad hibah.

c. Syarat bagi Harta yang Dhibahkan(*al-Mawhub*)

Secara umumnya syarat-syarat yang perlu wujud bagi **harta hibah** dapat dirumuskan dalam kaedah fiqh yang bermaksud : “ setiap yang sah dijual beli, sah dijadikan sebagai hibah, dan apa yang tidak sah dijual beli tidak sah dijadikan hibah”, Harta hibah mesti wujud ketika akad dilaksanakan, halal, bernilai (tidak termasuk barang yang najis seperti arak, bangkai, babi dan sebagainya (Abdul Halim el-Muhammady, 2001). Harta tersebut juga mestilah barang berharga, dimiliki oleh pemberi hibah secara perseorangan atau bersama(syarikat), boleh untuk dipindahkan atau diserahkan dan apa jua yang boleh diperniagakan (jual beli) boleh menjadi subjek dalam hibah. Penekanan terhadap harta hibah ini akan menjurus kepada satu syarat penting iaitu pemilikan harta hibah (*qabd*). Terdapat perselisihan fuqaha’ berkaitan keperluan *qabd* dalam akad hibah. Para fuqaha’ berselisih pandangan sama ada *qabd* merupakan syarat akad atau sebaliknya. Terdapat empat golongan yang memberi pandangan iaitu:

- a) Pendapat *Imam al-Thauri*, Abu Hanifah, al-Shafi’i dan satu riwayat daripada Imam Ahmad berpendapat, *qabd* ialah syarat *luzum* atau syarat sah hibah. Akad hibah tidak berkuat kuasa hanya dengan *ijab* dan *qabul* sahaja tanpa berlakunya *qabd*. Pemberi hibah boleh menarik hibahnya bila-bila masa sahaja selagi belum berlaku penyerahan harta atau masih dalam pemilikannya.
- b) Adapun pada pandangan Imam Ahmad Ibn Hanbal dalam salah satu riwayatnya menjadikan *qabd* itu sebagai syarat sah hibah bagi sesuatu yang boleh diukur atau ditimbang sahaja.
- c) Menurut Imam Malik, *qabd* ialah syarat sempurna hibah, bukan syarat sah atau syarat *luzum* kerana hibah adalah sah hanya dengan akad *ijab* dan *qabul*.
- d) Imam Ahmad, Abu Thaur dan mazhab Zahiri pula mengatakan *qabd* bukanlah salah satu daripada syarat hibah. *Qabd* juga bukan merupakan syarat sah atau syarat sempurna bahkan hibah adalah sah dengan akad sahaja.
- e) Dalil Rasulullah s.a.w yang menjadi hujah mereka ialah riwayat Muslim bin Ibrahim diriwayatkan Wahib diceritakan daripada Ibn Towus daripada bapanya daripada Ibn Abbas r.a katanya, Rasulullah s.a.w bersabda:

Menurut jumbuh fuqaha’, *qabd* adalah sah sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:

- a) Mendapat keizinan dan kebenaran pemberi hibah. Pemberi hibah mempunyai pilihan samada untuk mengizinkannya atau menarik balik hibah sebelum berlakunya *qabd* ke atas harta hibah tersebut. Menurut riwayat Imam Abu Hanifah mengatakan, sah *qabd* ketika dalam majlis akad sekalipun tidak mendapat keizinan pemberi hibah kerana ini menunjukkan keredhaan pemberi hibah. Manakala pandangan Imam Shafi’i dan Hanbali mengatakan tidak sah *qabd* tanpa izin pemberi hibah sama ada ketika atau selepas majlis akad kerana akad bukanlah satu bentuk keizinan untuk *qabd*. Sekiranya pemberi hibah telah memberi keizinan *qabd* dan kemudian menarik balik hibah sebelum berlakunya *qabd*, maka penarikan tersebut adalah sah. Imam Shafii’ juga mensyaratkan keizinan yang diberikan mestilah secara jelas atau dengan cara pemebri hibah memberi sendiri dengan tangannya kepada penerima hibah. Namun bagi mazhab Maliki tidak mensyaratkan keizinan daripada pemberi hibah sebagai syarat sah *qabd* kerana hak ke atas harta hibah telah pun dipindahkan kepada penerima dengan hanya termenterai *ijab* dan *qabul*.
- b) Harta yang dihibahkan itu tidak bercampur dengan harta lain kerana *qabd* bermaksud penerima boleh bertasarruf dengan harta itu tanpa sekatan dari mana-mana pihak dan sesuatu yang menghalangnya.
- c) Penerima *qabd* mestilah seorang yang baligh dan berakal. Mengikut jumbuh fuqaha’ selain daripada mazhab Hanafi mengatakan tidak sah *qabd* daripada seorang yang gila atau kurang akalnya dan daripada kanak-kanak yang belum baligh walaupun mumayyiz. Hujah mereka menggunakan kaedah qiyas kerana *qabd* termasuk dalam masalah *wilayah* (kekuasaan). Kanak-kanak yang belum baligh tidak berkuasa untuk mentadbir diri sendiri. Mereka diwakilkan kepada bapa atau walinya untuk melaksanakan urusan pentadbiran bagi pihak diri mereka. Manakala mazhab Hanafi membolehkan *qabd* kanak-kanak sekiranya sudah mumayyiz dan berakal. mereka

berhujah menggunakan kaedah Istihsan kerana memiliki harta yang dihibahkan (*qabd*) adalah salah satu daripada perbuatan atau tindakan yang semata-mata memberi manfaat kepada penerima hibah (Noor Lizza.etl, 2010).

Cara penerimaan *qabd* adalah berbeza mengikut jenis harta sama ada harta alih dan harta tidak alih. Bagi harta alih *qabd* akan berlaku dengan cara pemindahan, mengambil atau memisahkan daripada harta lain. Manakala bagi harta tidak alih pula berlaku dengan cara mengosongkan harta itu, menguasainya dan melakukan tasarruf terhadap harta tersebut seperti menyerahkan kunci dan sebagainya.

d. Jenis dan Kategori Hibah

Hibah boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu hibah mutlak dan hibah bersyarat. Hibah bersyarat pula dikategorikan kepada *hibah bi shart 'iwad* (hibah dengan syarat balasan), hibah umra dan hibah ruqba.

1. **Hibah mutlak** adalah hibah yang terlaksana secara langsung tanpa disertakan dengan apa-apa syarat atau balasan. Pertukaran hak milik akan terus terjadi serta merta seperti contoh seorang bapa yang menghibahkan kepada anaknya sekeping tanah kebun atau sebuah rumah. Pemberi hibah juga telah memindahkan nama dalam geran tanah kepada anaknya sebagai penerima hibah. *Qabd* telah berlaku dengan sempurna. Pemberi hibah sudah tidak berhak ke atas harta itu lagi samada fizikal dan juga manfaat seperti hasil yang diperolehi dari tanah kebun tersebut.

Penulis melihat konsep hibah mutlak ini diamalkan juga pada hari ini dengan lebih efisien dalam institusi kewangan seperti Syarikat Tabung Haji dengan memperkenalkan Hibah Amanah Tabung Haji. Hibah Amanah Tabung Haji adalah pemberian wang simpanan di dalam akaun Tabung Haji pendeposit kepada sesiapa yang dikehendaki semasa pendeposit masih hidup. Pendeposit bebas menghibahkan wang simpanan tabung haji kepada sesiapa yang dikehendaki tetapi akan diterima oleh penerima selepas kematian pendeposit berlaku. Sekiranya berlaku kematian kepada penerima terlebih dahulu daripada penghibah, maka wang simpanan tersebut akan menjadi harta pusaka kepada para waris penerima. Manakala hibah bersyarat pula adalah hibah yang disertakan dengan syarat balasan atau **syarat umra** dan *ruqba*. Umra bersasal daripada perkataan bahasa Arab daripada kata kerja *amara* yang bermaksud suatu pemberian daripada seseorang kepada seseorang yang lain sepanjang umur pemberi atau umur penerima (Ibn Manzur 2006). Manakala al-Zuhaiyli (1989), mengatakan umra daripada perkataan *al-umur* yang mengaitkan sesuatu tempoh masa iaitu tempoh umur pemberi atau penerima hibah.

2. **Hibah bersyarat umra** membawa maksud seorang yang memberi hibah hartanya kepada seseorang selama umurnya atau seumur hidup penerima hibah. Sekiranya berlaku kematian ke atas pemberi hibah sebelum penerima hibah maka harta tersebut menjadi pusaka kepada waris pemberi hibah. Adapun sekiranya kematian berlaku ke atas penerima hibah maka harta tersebut akan kembali kepada pemberi hibah. Contoh akad hibah umra seperti seseorang berkata kepada seorang yang lain “aku umra akan rumah ku, aku hadiahkan rumahku untuk kamu diami selama mana umur kamu”(al-Majjaji, 2010).

Ruqba pula berasal daripada perkataan kata kerja *arqaba* yang bermaksud menunggu. Menurut al-Kasani(1997), ruqba berasal daripada perkataan *ruqub* yang bermaksud menunggu kerana setiap pihak menunggu kematian pihak yang satu lagi.

3. **Hibah bersyarat ruqba** bermaksud di mana pemberi hibah menghibahkan hartanya kepada seseorang dengan syarat menunggu siapa di antara mereka yang meninggal dahulu. Di antara mereka berdua yang meninggal dahulu akan mewariskan harta kepada yang masih hidup. Contoh akad hibah bersyarat ruqba adalah seperti berkata seseorang kepada seorang yang lain seperti “rumahku ku berikan secara *ruqba* kepada engkau”, bermaksud sekiranya aku mati sebelum engkau rumah ini menjadi milik engkau, dan sekiranya engkau mati sebelumku maka rumah ini menjadi milik ku (al-Kasani 1997).
4. **Hibah amanah** pula adalah wujudnya akad amanah di antara pemberi hibah dengan syarikat amanah sebelum harta itu bertukar milik daripada pemilik atau pemberi hibah kepada penerima harta. Ia dinamakan sebagai hibah amanah kerana harta hibah yang dipegang oleh pemberi hibah atau pihak ketiga yang bertindak sebagai pemegang amanah dan akan diserahkan sepenuhnya kepada penerima hibah selepas penerima hibah mencapai

umur 18 tahun, atau selepas pemberi hibah meninggal dunia bergantung kepada kategori hibah amanah dan sifat atau konsep hibah itu sendiri.

Hibah amanah boleh bersifat hibah mutlak atau hibah ruqba. Bagi hibah amanah yang bersifat mutlak, sekiranya penerima hibah terlebih dahulu meninggal dunia daripada pemberi hibah, maka harta hibah akan menjadi pusaka penerima hibah. Bagi hibah amanah yang bersifat mutlak, pemberi hibah akan menjadi pemegang amanah kepada waris penerima hibah pula, atau pemberi hibah boleh menyerahkan pemilikan harta hibah kepada pewaris penerima hibah sepenuhnya sekiranya berlaku pembatalan pengamanahan tersebut. Contoh Hibah Amanah Tabung Haji. Dalam dokumen hibah amanah ini, pemberi hibah bersetuju mengisytiharkan pembentukan hibah dan menghibahkan harta hibah (peratusan bahagian harta hibah) kepada penerima hibah sebagaimana yang tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam borang permohonan Hibah Amanah TH/ Penamaan dan Suratikatan Hibah Amanah. Sekiranya berlaku kematian pemberi hibah mendahului penerima hibah, maka peratusan bahagian harta hibah akan menjadi hak mutlak sepenuhnya penerima hibah dan peratusan bahagian harta tersebut akan dibayar oleh Lembaga Tabung Haji kepada penerima hibah tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam borang permohonan Hibah Amanah TH/Penamaan, Suratikatan Hibah Amanah dan Surat Kuasa Wakil. Di dalam dokumen tersebut Pemberi hibah bersetuju sekiranya penerima hibah meninggal dunia dahulu peratusan harta hibah tersebut tidak akan dikembalikan kepada pemberi hibah, dan akan menjadi pusaka kepada waris penerima hibah. Adapun sekiranya kematian serentak berlaku, di mana pemberi dan penerima hibah meninggal dunia dalam masa yang sama maka waris kepada penerima hibah berhak menuntut peratusan bahagian harta hibah yang akan dibayar oleh pihak Tabung Haji. Dalam konteks amanah pula, penerima hibah bersetuju melantik Pemberi Hibah sebagai Pemegang Amanah kepada harta hibah tersebut. Penerima hibah juga bersetuju untuk membenarkan Pemberi hibah menggunakan harta hibah tersebut untuk faedah dirinya, membuat semua urusan niaga dan mendapat semua manfaat yang berkaitan dengan harta hibah tersebut selama mana pemberi hibah masih hidup. Penerima hibah juga bersetuju untuk melantik Tabung Haji sebagai Pemegang Amanah Gantian untuk mentadbir dan membahagikan harta hibah untuk manfaat dan faedah penerima hibah amanah tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung didalam Borang Permohonan Hibah Amanah/Penamaan, Suratikatan Hibah Amanah dan Surat Kuasa Wakil.

V. Kesimpulan

Kesimpulannya, Perancangan harta yang sistematik dalam Islam amat digalakkan bagi menurunkan angka kebekuan harta yang semakin membimbangkan dari semasa ke semasa. Pelbagai kaedah dalam Islam yang boleh menjadi instrumen perancangan harta sama ada ketika masih hayat atau selepas berlaku kematian. Hibah merupakan satu cara yang menjadi pilihan masyarakat dalam membuat perancangan harta semasa hayat. Melalui perancangan harta yang sempurna waris-waris dapat memanfaatkan dan menikmati harta sebaik mungkin. Ini juga boleh mengelakkan pergaduhan antara waris dan harta orang Islam dapat dikembangkan dan dijanakan dengan lebih baik.

Rujukan

1. Al-Quran al-Karim.
2. Abdul Halim el- Muhammady. 2001 Undang-undang Muamalat dan Aplikasi kepada produk-produk Perbankan Islam, Selangor : Fakulti Undang-Undang UKM
3. Ahmad Rida, al-Sheikh 1960. *Mu'jam Matan al-Lughah*. Jld.5. Beirut Dar Maktabah al-Hayah.
4. Fayumi , al- Ahmad bin Muhammad. t.t. *Al-Misbah al- Munir*, kaheerah : Dar al-Ma'arif.
5. Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Mukram.2003. *Lisan al- 'Arab*. Jld 6 dan 9. Kaheerah: Dar al-Hadith.
6. Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Ridzuan Awang & Amir Husin Mohd Nor. 2010. Qabd dan Hukum Penarikan Balik.Jurnal Muamalat Bil.3 .
7. Kasani, al-Abi Bakr bin Mas`ud. 2003. *Bada`i al-Sana`i fi Tartib al-Sharai`*.Jld 8. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah
8. Shams al-Din Ahmad bin Qudir. 2003. *Nata`ij al- afkar fi Kashf al-Rumuz wa al-Asrar*. Jld .9. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
9. Jurjani, al-Ali bin Muhammad. 1421H. *Kitab al-Ta`rifat*. Jeddah : al-Haramayn.
10. Mustafa al-Khin, Mustafa al-bugha & ali al-Sharbaji.2003.*al-Fiqh al-Manhaji ala madhab al-imam al-Shafii*. Jld.3.Damshiq: Dar al-Qalam.
11. Adilah Mohd Sa`afie & Mohd Zamro Muda. 2018. Garis panduan dalam penyediaan borang hibah di Mahkamah Tinggi Syariah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 3(1): 1-7.
12. Amirul Adli & Noor Lizza Mohamed Said. 2018. Keperluan saksi dalam permohonan pengesahan kes hibah di Mahkamah Syairah. *Journal of Comtemporary Islamic Law*, 3(2): 20-27.
13. al-Hisny, Taqiy al-Din Abu Bakr bin Muhammad al-Husainy. 2013. *Kifayah al-Akhyar fi hall Ghayah al-Iktisar*. Dimashq: Dar al-Faiha`.
14. Ibn `Abidin, Muhammad Amin bin `Umar bin `Abdul al-`Aziz. 1992. *Hashiyah Ibn `Abidin Radd al-Muhtar `ala al-Durr al-Mukhtar*. Jil 6. Beirut: Dar al-Fikr.
15. *al-Majjaji*, Muhammad Sukhal. 2010. *al-Muhadhab min al-Fiqh al-Maliki wa Adillatihi*. Jil.2.Dimasyq:Dar al-Qalam.
16. Mohd Zamro Muda & Noor Lizza bt Mohamed Said. 2015. Signifikan Hibah Sebagai Instrumen Perancangan Harta Orang Islam di Malaysia. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
17. Mohd Zamro Muda et al. 2008. *Pengantar undang-undang dan pentadbiran pusaka, wasiat dan wakaf orang Islam di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
18. Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha &Ali al-Sharbaji. 2003. *al-Fiqh al- manhaji ala madhab al-Imam al-Syafii*. Cet ke-5. Damshiq:Dar al-Qalam
19. Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2011. Penyelesaian pindah milik harta bercagar di institusi kewangan: dari perspektif undang-undang Islam. *Kanun* 23(2): 180-193.
20. Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Ridzuan Awang & Amir Husin Mohd Nor. 2010. Hibah dengan syarat balasan menurut pandangan fuqaha dan kedudukannya dalam undang-undang sivil Jordan. *Jurnal Syariah*. Jil. 20(3): 309-328.
21. Nurul Syuhadah binti Azalan. 2018. Penghakiman Hakim Syarie dalam kes hibah di Mahkamah Syariah. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
22. Rusnadewi Abdul Rashid & Nor Hisyam Ahmad. 2013. Pengurusan harta melalui hibah: kepentingan dan manfaat dari pelbagai aspek untuk kemajuan ummah. *Jurnal Hadhari* 5(1): 92-100.
23. al-Sharbini, Muhammad bin Muhammad al-Khatib. 1994. *Mughni al-Muhtaj ila Ma`ani Alfaz al-Minhaj*. Jil 2-3. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
24. Siti Mashitoh Mahamood. 2017. Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015 (Enakmen 15): suatu ulasan menurut perspektif undang-undang. *Jurnal Kanun* 29(2): 177-192.
25. al-Zuhayli, Wahbah. 2012. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Jil 4.(Damshiq: Dar al-Fikr.

